

# UMNO tidak halang Dr. Mahathir jadi perwakilan

Oleh **MUSTAFA KAMAL BASRI**  
dan **HAMDEN RAMLI**

KUALA LUMPUR 25 Ogos - UMNO tidak menghalang Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk bertanding menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung parti yang dijadual November ini.

Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Majlis Tertinggi parti berpandangan bekas Perdana Menteri itu berhak untuk berbuat demikian.

Abdullah bagaimanapun berkata, soal ini terserah kepada UMNO Bahagian Kubang Pasu sama ada untuk memilih Dr. Mahathir yang menjadi ahli bahagian itu ke perhimpunan agung ataupun tidak.

"MT UMNO berpendapat itu (hak untuk bertanding sebagai perwakilan) adalah hak Dr. Mahathir," kata Abdullah kepada pemberita selepas menpengerusikan mesyuarat MT UMNO di Menar Dato' Onn di sini, malam ini.

Ketika ditanya mengenai sama ada Dr. Mahathir akan berucap pada perhimpunan agung UMNO jika menjadi perwakilan, Abdullah berkata, perkara itu akan ditentukan oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah.

"Sudah menjadi amalan parti sekian lama, pemilihan wakil untuk berucap ditentukan oleh Badan Perhubungan UMNO setiap negeri," katanya.

Abdullah juga menjelaskan bahawa UMNO akan mengundang Dr. Mahathir menghadiri perhimpunan agung parti sekiranya beliau tidak dipilih sebagai perwakilan.

"Sebelum ini pun kita jemput Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung parti," katanya.

Ketika ditanya apakah UMNO akan memberi peluang kepada Dr. Mahathir untuk berucap memberi penjelasan mengenai pelbagai isu melibatkan parti dan kerajaan, Abdullah berkata, UMNO tidak mengadakan mesyuarat untuk memberi peluang kepada sesiapa pun untuk berbuat demikian.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Dr. Mahathir baru-baru ini bahawa beliau bersedia membuat pendedahan mengenai isu penjualan pasir kepada Singapura sekiranya kerajaan memberi jaminan bertulis tidak akan menahannya di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA), Abdullah berkata, sekiranya ada bukti, beliau boleh menyerahkannya kepada kerajaan.

Mengenai kemungkinan Dr. Mahathir akan ditahan di bawah OSA sekiranya beliau membuat pendedahan itu, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab mengapa kerajaan mahu berbuat demikian.

Abdullah juga mempersoalkan bagaimana Dr. Mahathir boleh memperoleh dokumen rahsia kerajaan seperti yang diperkatakannya.

Sementara itu mesyuarat MT malam ini berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat agung cawangan dan persidangan perwakilan peringkat bahagian serta usaha penerangan bagi menjelaskan isu semasa oleh anggota-anggota MT.